TABUNG HAJI

MINGGU 03

RUKUN HAJI:
NIAT IHRAM, WUQUF DAN TAWAF



Hadirku sebagai Dhuyufurrahman
Kembaliku dengan kemabruran

TALBIAH: LAFAZ & MAKNA

لَبَّيْكَ اللّٰهُمَّ لَبَّيْكَ لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ
إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ

Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu ya Allah, Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, Tuhan yang tiada sekutu bagi-Mu, Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, Sesungguhnya segala puji dan nikmat dan kerajaan adalah kepunyaan-Mu, tiada sekutu bagi-Mu.

NOTA Bertalbiah disunatkan selepas niat hingga sebelum memulakan Tawaf bagi Umrah dan sebelum melontar Jamrah Kubra/Tawaf Haji.

OBJEKTIF

1. Membezakan rukun dan wajib Haji.
2. Menjelaskan tentang niat ihram, pengertian miqat dan cara pemakaian ihram.
3. Menjelaskan maksud wuquf di Arafah dan syarat-syarat sah wuquf.
4. Menjelaskan tentang tawaf, syarat sah dan cara melaksanakannya.

ISI KANDUNGAN

1 **Pengertian Rukun Haji dan Wajib Haji**

2 **Rukun Haji 1: Niat Ihram Haji**
- Pengertian Niat
- Bulan-bulan Haji
- Lafaz Niat Haji

3 **Rukun Haji 2: Wuquf di Arafah**
- Pengertian Wuquf
- Waktu Wuquf
- Syarat Sah Wuquf
- Amalan Sunat Ketika Wuquf

4 **Rukun Haji 3: Tawaf**
- Pengertian Tawaf
- Jenis-jenis Tawaf
- Syarat Sah Tawaf
- Amalan Sunat Ketika Tawaf

PENGERTIAN RUKUN HAJI DAN WAJIB HAJI

PENGERTIAN RUKUN HAJI DAN WAJIB HAJI

- Rukun Haji ialah perkara asas yang mesti dilakukan oleh jemaah haji ketika menunaikan haji.

- Jika tidak dilakukan, haji seseorang **tidak sah/tidak sempurna** dan masih terikat dengan **larangan ihram**.



PENGERTIAN RUKUN HAJI DAN WAJIB HAJI

Enam (6) Rukun Haji

1. Niat ihram Haji 
2. Wuquf di Arafah 
3. Tawaf di Kaabah 
4. Sa'ie di antara Bukit Safa dan Marwah 
5. Bergunting/ bercukur rambut 
6. Tertib pada kebanyakan rukun

PENGERTIAN RUKUN HAJI DAN WAJIB HAJI

Pengertian Wajib Haji



- Wajib Haji ialah perkara yang wajib dilakukan ketika mengerjakan haji.
- Jika **tidak** mengerjakan salah satu daripadanya, **haji tersebut tetap sah** tetapi **dikenakan dam** menurut syarat-syaratnya dan berdosa jika meninggalkan perkara tersebut dengan sengaja.

PENGERTIAN RUKUN HAJI DAN WAJIB HAJI

Enam (6) Rukun Haji

1. Niat ihram di Miqat*
2. Meninggalkan perkara larangan dalam masa ihram
3. Bermalam (mabit) di Muzdalifah
4. Melontor Jamrah Kubra pada10 Zulhijjah
5. Bermalam (mabit) di Mina pada 11, 12 &13 Zulhijjah (Hari Tasyriq)
6. Melontar ketiga-tiga Jamarat pada Hari Tasyriq

NOTA

***Niat Ihram hendaklah di Miqat atau sebelumnya.**
Setelah Niat Ihram mestilah jaga larangan dalam ihram.

RUKUN HAJI 1:
NIAT IHRAM HAJI

RUKUN HAJI 1: NIAT IHRAM HAJI

Pengertian Niat

Pengertian dan Tujuan Niat Haji

Definisi Niat Haji

Kehendak (qasad) hati untuk mengerjakan ibadat Haji. Manakala melafazkan niat adalah sunat.

Tujuan Niat Haji

Untuk menyatakan keikhlasan serta kesungguhan hati dalam menunaikan ibadat Haji kerana Allah semata-mata.

NOTA Niat hendaklah dilakukan di miqat atau sebelumnya.

RUKUN HAJI 1: NIAT IHRAM HAJI

Bulan-bulan Niat



Jemaah hendaklah berniat haji dalam tempoh:

- 1 Syawal sehingga terbit fajar 10 Zulhijjah. Inilah yang dinamakan bulan-bulan Haji.

- Niat ihram Haji jika dilakukan di luar bulan-bulan Haji adalah tidak sah dan menjadi ihram umrah.

RUKUN HAJI 1: NIAT IHRAM HAJI

Lafaz Niat Haji

نَوَيْتُ الْحَجَّ وَأَحْرَمْتُ بِهِ لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku mengerjakan haji dan aku berihram dengannya kerana Allah taala.

